



**TEKS UCAPAN**  
**YBhg. DATUK HAJI ABANG ABDUL WAHAP BIN HAJI ABANG JULAI**  
**DATUK BANDAR KUCHING UTARA**  
**SEMPENA PERHIMPUNAN DBKU EDISI JANUARI 2015**  
**7 JANUARI 2015**  
**AUDITORIUM DBKU**

---

Bismillahirrahmanirrahim....

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis

Yang Berusaha Dr. Saadiah Abdul Samat  
Pengarah Dewan Bandaraya Kuching Utara

Yang Berusaha Puan Hajah Kartina Zamhari  
Ketua Timbalan Pengarah, Dewan Bandaraya Kuching Utara

Pegawai-Pegawai Kanan DBKU

Serta seluruh warga kerja DBKU yang saya kasihi sekalian....

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.....

Salam sejahtera, Salam Satu Malaysia dan Salam 1 DBKU....

Alhamdulillah, syukur yang tidak terhingga dirafakkan kehadiran Allah SWT kerana dengan izinNya juga maka kita dapat bersama-sama hadir ke perhimpunan bulanan DBKU, Edisi bulan Januari 2015.....

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

Sebagai pembuka bicara, belum terlambat sekiranya saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2015 kepada seluruh warga kerja DBKU dan tuan-tuan yang saya kasihi sekalian.....

Tahun 2014 telahpun melabuhkan tirainya, dan ianya telah banyak meninggalkan pelbagai kenangan pahit dan manis kepada kita semua. Pada tahun 2015 ini, marilah bersama-sama kita mulakannya dengan azam dan semangat yang baru. Diharap tahun 2015 yang bakal kita harungi ini akan kita telusuri dan diserikan dengan lakaran pelbagai kejayaan.

Tuan-tuan dan Puan-Puan,

Pada pagi ini, saya ingin bercakap mengenai beberapa perkara, pertama sekali adalah mengenai Majlis Agenda DBKU 2015 yang bakal berlangsung sedikit masa sahaja lagi iaitu pada Jumaat ini, 9 hingga 11 Januari 2015 bertempat di Tempat Letak Kereta, Sukma Ria.

Alhamdulillah.... tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja DBKU kerana datas kerja keras anda semua pada tahun ini, kita telah berjaya untuk sekali lagi menganjurkan Majlis Agenda DBKU.

Majlis Agenda DBKU ini telah kita anjurkan sebagai acara tahunan DBKU sejak tiga tahun yang lalu bermula tahun 2012. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, tujuan utama Majlis Agenda DBKU ini dianjurkan adalah untuk membina satu *platform* yang mana ianya dapat menghubungkan warga kerja Dewan Bandaraya Kuching Utara dengan warga kotanya di mana ianya kemudiannya dijadikan sebagai sebuah arena untuk melakukan perkongsian maklumat dan juga untuk memaklum serta mewar-warkan kepada warga kota tentang pelbagai perancangan yang telah kita catur dan rangka untuk pembangunan, kesejahteraan serta kelestarian Bandaraya Kuching.

Seperti mana tahun-tahun sebelumnya, pada tahun ini, semasa Majlis Agenda ini berlangsung pelbagai aktiviti menarik seperti BandarayaKU Berselawat, Tayangan Wayang Agenda, Gotong-royong RemajaKU, Pertandingan Kuiz, Sembang RemajaKU, Pentas Rakyat, Sukan dan Rekreasi, Ekspo Pameran yang melibatkan agensi kerajaan, pihak komuniti dan korporat dan *Flea Market* akan kita sajikan kepada warga kota.

Untuk menjayakan semua aktiviti dan program yang telah saya nyatakan sebentar tadi, marilah kita semua bekerjasama dan berganding bahu bagi memastikan semua yang telah kita rancang ini berjalan dengan lancar. Bak kata pepatah "Berat Sama Dipikul, Ringan Sama Dijinjing", In Sha Allah segala urusan kita akan dipermudahkan oleh Allah SWT.

Oleh yang demikian, besarlah harapan saya jika pengantutan Majlis Agenda DBKU pada tahun ini juga akan berjaya seperti pengantutan Majlis Agenda DBKU pada tahun yang lepas.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

Untuk makluman, pada tahun ini Majlis Agenda DBKU akan memfokuskan kepada dua perkara utama iaitu **golongan remaja dan pemantapan nilai integriti di kalangan warga kerja DBKU**.

Seperti yang kita semua sedia maklum, amalan budaya kerja berintegriti ini amat penting dan perlu disemai oleh seluruh penjawat awam bagi menghindarkan kita dari melakukan sesuatu yang boleh menjerumus kepada perkara yang di luar kewibawaan ataupun pecah amanah.

Manala untuk golongan remaja, pelancaran golongan RemajaKU yang bermaksud Remaja Kuching Utara adalah bertepatan sekali. Untuk itu, tahniah saya ucapkan kerana tindakan ini adalah satu usaha yang sangat baik. Sememangnya golongan remaja ini perlu dilibatkan terutamanya semasa aktiviti dan program yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuching Utara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Golongan remaja amat penting dalam mengukuhkan negara pada suatu masa nanti dan di tangan mereka jugalah terletak tanggungjawab besar dalam menentukan halatuju negara pada masa hadapan.

Tanpa golongan remaja ini, pembangunan negara akan terbantut, kerana di tangan mereka juga terletak satu tanggungjawab yang amat besar bagi memajukan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Walaupun untuk Majlis Agenda DBKU pada tahun ini kita akan memberi fokus kepada Program "RemajaKU" tetapi Program "*DBKU Cares*" tetap akan diteruskan dan kita akan tetap memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Bercakap mengenai program bantuan kepada mereka yang memerlukan, pada pagi ini saya difahamkan yang kita akan menyerahkan Bantuan Sewa Rumah kepada lima ketua isi rumah yang layak dan telah berdaftar dengan E-Kasih serta miskin tegar dengan pendapatan kasar isi rumah golongan berpendapatan 40% terendah (Golongan B40) yang mana sesebuah isi rumah mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM2,300.00 sebulan.

Program ini bertujuan untuk membantu beban tanggungan keluarga, membina keupayaan dan menjana pendapatan keluarga miskin dan miskin tegar di bandar. Matlamat bantuan adalah untuk mengurangkan beban kewangan keluarga bagi mendapatkan tempat kediaman yang selesa dan selamat untuk didiami.

Bantuan ini adalah dalam bentuk wang tunai berjumlah RM1,488.00 untuk bantuan sewaan rumah bagi tempoh 12 bulan untuk setiap penerima di mana kadar bantuan sewa sebulan yang diluluskan adalah berjumlah sebanyak RM124.00.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Selain itu, pada pagi ini juga kita akan menyampaikan anugerah kepada pegawai Bestari Berpakaian Seragam Kumpulan Sokongan II (Skel C) dan Anugerah Pegawai Bukan Berpakaian Seragam Kumpulan Sokongan I (Skel B) untuk tahun 2014.

Untuk makluman, mereka sepatutnya menerima anugerah ini semasa Majlis Perasmian Hari Integriti dan Inovasi DBKU yang berlangsung pada 19 Disember 2014 yang lepas tetapi disebabkan oleh perkara yang tidak dapat dielakkan maka anugerah tersebut akan disampaikan kepada mereka pada pagi ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada para pemenang anugerah.

Tidak ketinggalan juga untuk Anugerah Tandas Terbaik DBKU 2014, kita juga akan menyerahkan Anugerah Tandas Terbaik DBKU 2014 kepada Pasukan Pemantau kebersihan Tandas DBKU yang telah berjaya mengekal serta memastikan tandas sentiasa berada dalam keadaan yang bersih, kering dan tidak berbau serta peralatan di dalam tandas berfungsi dengan sempurna.

Terakhir sekali adalah penyerahan cenderahati dan sijil kepada 2 orang warga kerja DBKU yang Bersara Pilihan iaitu Encik Reduan Bin Luie (IMT) dan Encik Pu anak Majang (LNP). Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana tuan-tuan dan puan-puan setia memberikan khidmat bakti kepada DBKU.

Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada anda semua kerana telah menabur bakti dan mencurahkan budi selama berkhidmat dengan DBKU. Segala jasa dan bakti yang telah anda tabur akan tetap kami kenang sepanjang masa.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sebelum mengundur diri, kepada warga kerja DBKU sekalian, teruskanlah khidmat bakti anda kepada DBKU. Berikanlah perkhidmatan dan komitmen yang terbaik kepada organisasi dan juga warga Bandaraya Kuching. Anda semua perlu berganding bahu dan terus berusaha bagi mengekalkan apa yang telah ada sekarang. Saya percaya warga kerja DBKU telah dan akan sentiasa melakukan yang terbaik demi kepentingan mendatang. Ini adalah sangat penting agar kita terus melakar kejayaan demi kejayaan pada tahun ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjemput seluruh warga kerja DBKU untuk hadir bersama-sama bersama keluarga dan sahabat handai bagi memeriahkan lagi Majlis Agenda DBKU 2015.

Sekian....

Wassalam....